

**NAŞR HĀMID ABU ZAYD, *NAQD AL-KHITĀB  
AL-DĪNĪ*, (KAHERAH: SĪNĀ LI AL-NASHR, 1994,  
EDISI KEDUA), 225 HALAMAN.<sup>1</sup>**

Review Oleh:  
Wan Suhaimi Wan Abdullah

Sudah yang menjadi fenomena biasa dalam sejarah manusia bahawa penyimpangan dan revolusi dari arus “perdana” sering menimbulkan reaksi yang kontroversi sehingga ada pepatah Arab yang mencatatkan bahawa “penyimpangan membawa kemasyhuran”. Penyimpangan ini secara umumnya adalah relatif dan bukan suatu yang buruk secara mutlak. Persoalan tentang asas dan matlamat sesuatu “penyimpangan” yang dilancarkan biasanya akan menjadi penentu kejayaan dan kedudukan ideologi yang didokong serta individu-individu yang terlibat. Di samping itu, reaksi yang dikemukakan terhadap misi penyimpangan ini juga bertanggungjawab secara tidak langsung menyumbang kepada reputasi misi tersebut di mata masyarakat.

Naṣr Ḥāmid Abū Zayd adalah nama yang tidak asing bagi mereka yang mengikuti perkembangan pemikiran Modernis Islam khususnya di Mesir. Semenjak penerbitan edisi pertama buku ini pada tahun 1992 oleh Dār al-Thaqāfah al-Jadidah di Kaherah, dan semenjak beliau mengemukakan karyanya ini, di samping karya-karya lain, untuk kenaikan pangkat profesor dalam bidang Bahasa Arab di Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Sastera, Universiti Kaherah, nama dan karyanya ini terlonjak di persada masyarakat Islam khususnya di kalangan ilmuan dan agamawan di Mesir. Banyak buku-buku dan makalah-makalah ditulis berkaitan isu ini, sama ada mengkritik karya dan pemikiran penulis dan tidak kurang juga yang membela dan bersympati.<sup>2</sup> Lebih serius lagi, dakwaan atau “fatwa” kemurtadannya telah menghancurkan kariernya di Mesir dan mendorongnya keluar dari bumi tersebut.

---

<sup>1</sup> Review ini adalah sebahagian daripada kerja kursus yang dikemukakan kepada Profesor Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud untuk kursus *Islamization of Contemporary Knowledge* di ISTAC. Penulis merakamkan penghargaan di atas teguran dan galakan Ybhg. Profesor ke atas penerbitan ini.

<sup>2</sup> Lihat misalnya Dr. ‘Abd al-Ṣabūr Shāhin, *Qissat Abū Zayd wa Inḥisār al-‘Almāniyyat fī Jāmi‘at al-Qāhirah*, (Kaherah: al-Dār al-Dhahabiyyah, t.t.) dan Mahmūd Fawzi, *Nasr Abū Zayd Bayna al-Kufr wa al-Imān*, (t.t.: Dār al-Rā’id li al-Nashr, t.t.).

Peristiwa ini menimbulkan reaksi yang berbagai di mata dunia. Di kala para ilmuan dan agamawan di Mesir umumnya menganggap usaha dan pendekatan Abū Zayd sebagai suatu penyimpangan, masyarakat Barat menganggapnya sebagai hero sebenar,<sup>3</sup> sama sebagaimana Salman Rushdi dibela dan dilindungi suatu ketika dahulu. Dalam masa yang sama golongan yang bertegas dengan Islam dan dasarnya dilabelkan dengan berbagai label-label negatif sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam perkembangan politik semasa.

Buku ini, dalam edisi keduanya ini, memuatkan satu fasal pendahuluan tambahan di samping tiga fasal asalnya. Fasal tambahan ini mengandungi laporan para panel penilai buku tersebut iaitu Prof. Mahmūd ‘Ali Makki dan Prof. ‘Abd al-Šabūr Shāhin, diikuti dengan ulasan dan kritikan oleh Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Sastera, Universiti Cairo ke atas laporan Prof. Shāhin. Seterusnya diakhiri dengan “kritikan dan pembelaan diri” oleh penulis terhadap kenyataan Prof. Shāhin. Manakala tiga fasal utamanya pula menghuraikan tiga topik penting iaitu mekanisme dan asas pemikiran diskusi keagamaan (*al-Khitāb al-Dīnī*) semasa, pendekatan aliran *Kiri Islam* dalam berinteraksi dengan warisan karya (*al-turāth*) dan seterusnya fasal terakhir adalah tentang pendedahan aspek makna dalam pembacaan nas-nas keagamaan.

Abū Zayd dalam karyanya ini cuba mengkaji pendekatan-pendekatan yang wujud di dalam pergerakan-pergerakan Islam pada era yang beliau sifatkan sebagai era “Perkembangan Keagamaan Islam” (*al-Madd al-Dīnī al-Islāmī*). Menurut beliau, terdapat tiga aliran utama di dalam pergerakan ini yang dibincangkan di dalam tiga fasal; aliran yang didokong oleh pihak “institusi keagamaan rasmi negara” yang diwakili oleh al-Azhar, aliran *Kiri Islam* khususnya yang dikembangkan oleh Prof. Hasan Hanafi, dan aliran golongan “enlightenment” (*al-Tanwīriyyūn*) yang juga dinamakannya sebagai golongan sekular.

Kelahiran tiga aliran atau pendekatan ini jelas, sebagaimana yang dipaparkan oleh Abū Zayd secara tidak langsung, merujuk kepada suatu yang beliau anggap sebagai “masalah”, iaitu masalah bagaimana kita patut membaca dan memahami nas-nas agama, khususnya al-Qur’ān. Beliau sendiri telah membincangkan permasalahan ini secara terperinci di dalam karya-karyanya yang terdahulu, yang juga menimbulkan kontroversi yang hebat, iaitu *al-Ittijāh al-‘Aqli fi al-Tafsīr: Dirāsat fi Qadīyyat al-*

<sup>3</sup> Lihat Stefan Wild, (Ed.), *The Qur'an as Text*, (Leiden: E.J.Brill, 1996), vii-xi. Buku beliau *Naqd Khitāb al-Dīnī* telah diterjemahkan ke bahasa Jerman oleh Cherifa Magdi, *Islam und Politik, Kritik des religiösen Diskurses*, Frankfurt/Main, 1995. Beliau juga diiktiraf oleh Encyclopaedia of the Qur'an dan dilantik sebagai penulis dan salah seorang ahli lembaga penasihat encyclopaedia tersebut, lihat J.D. McAuliffe, *Encyclopaedia of the Qur'an*, (Leiden, Boston, Koln: Brill, 2001)

Review Buku: Nasr Ḥāmid Abū Zayd, *Naqd al-Khitāb al-Dīnī*, (Kaherah: Sīnā li al-Nashr, 1994)

*Majāz fī al-Qur'ān 'inda al-Mu'tazilah* (Beirut: Dār al-Tanwīr, 1982) dan *Mafhūm al-Naṣṣ: Dirāsat fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Cairo: al-Hay'at al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb, 1990). Persoalan ini, menurut Abū Zayd, bukanlah suatu permasalahan yang baru dalam sejarah Islam. Konflik ideologi di antara al-Ash'ari dan Mu'tazilah tentang persoalan Keazalian al-Qur'an merupakan suatu contoh yang jelas yang merujuk kepada "masalah" di atas. Apa yang lebih malang lagi, kekeliruan dan pertembungan ini tidak berakhir sebagai suatu konflik ideologi dan konseptual semata-mata, tetapi turut mempengaruhi aspek kemasyarakatan, ekonomi dan politik umat Islam. Ia telah mempengaruhi kelahiran bentuk-bentuk fahaman dan tafsiran al-Qur'an secara literal dan se'erusnya pendekatan-pendekatan yang literal dan verbal dalam merealisasi ajaran al-Qur'an di dalam kehidupan sehari-hari ummah.

Tanggapan-tanggapan sebegini jelas dapat diperhatikan pada pemikiran-pemikiran Islam kini dan ia boleh dikatakan seakan "terjadad" dengan sesetengah aspek dalam aliran-aliran "pemikiran keagamaan" tertentu khususnya di sesetengah bahagian Dunia Islam. Pemerhatian ini walau ada kebenarannya, ia tidak bermakna bahawa pemikiran umat Islam, di dalam sejarahnya yang panjang, telah keliru sepenuhnya dan tidak menyedari atau memahami hakikat berkaitan isu-isu sebegini. Perbincangan yang dikemukakan oleh penulis di dalam karyanya ini menampakkan seakan sejarah umat Islam tidak pernah menyaksikan suatu penjelasan yang benar dan tepat tentang "persoalan" di atas. Dari sudut yang lain pula, di sana terdapat seakan suatu isyarat dan kecenderungan untuk menuduh bahawa pendekatan yang dikemukakan oleh sarjana Islam lampau, yang sebenarnya merupakan ijtihad pemikiran mereka, sebagai "terpesong" atau tidak tepat. Oleh yang demikian, ia tidak dapat menyumbang khidmat yang sepatutnya terhadap agama Islam. Lebih parah lagi, ia dituduh mewariskan suatu gejala dan masalah pemikiran yang serius di dalam kehidupan dan pemikiran moden Islam. Justeru itu, demi menghidupkan semula suatu kefahaman yang tepat dan realistik tentang Islam dan al-Qur'an, suatu pendekatan baru berasaskan kaedah moden yang saintifik di dalam memahami dan menganalisis teks-teks keagamaan adalah diperlukan.

Namun apa yang patut disedari dan direnungi di sini ialah apakah pendekatan para sarjana Islam lampau dalam memahami teks-teks keagamaan sememangnya "terpesong" dan "lapuk", ataukah kegagalan kita dalam memahami dan menghayati pendekatan dan tafsiran mereka, dalam kontek masa dan tempat, telah membayangkan bahawa pendekatan dan tafsiran mereka itu sebagai "lapuk"? Dalam masa yang sama, apakah kaedah moden dalam menganalisis teks adalah sesuai sepenuhnya dan boleh diperaktikkan terhadap teks-teks keagamaan Islam, atau di sana sememangnya terdapat bentuk-bentuk pengecualian pada aspek-aspek tertentu? Persoalan di sini sebenarnya berkait rapat dengan isu apakah semua jenis teks atau mana-mana kategori teks, yang berupa hasil pemikiran manusia sepenuhnya, boleh disamakan dengan teks-teks

keagamaan sehingga apa yang sesuai diperkatakan pada teks-teks tersebut turut juga sesuai untuk teks-teks keagamaan?

Apa yang menarik, Abū Zayd di dalam karyanya ini cuba menampilkkan diri sebagai pendokong kefahaman dan aliran Islam yang sederhana dan tidak cenderung kepada mana-mana bentuk ekstrimisme yang dilabelnya sebagai aliran yang didokong oleh “institusi keagamaan rasmi negara” atau “Kanan Islam” disatu pihak dan aliran “Kiri Islam” disatu pihak yang lain. Apa yang lebih menarik lagi, beliau nampaknya berkecenderungan menganggap pendekatan golongan pendokong fahaman Enlightenment (*al-tanwīriyyūn*), yang jelas mendokong pendekatan rasionalis atau secara khusus pendekatan rational Mu’tazilah, sebagai aliran “pertengahan” dalam Islam, sedangkan aliran sebegini, iaitu aliran rasionalis, dianggap di dalam tradisi dan sejarah Islam perdana sebagai satu dari dua pendekatan ekstrim, di samping golongan al-Hashwiyyah. Seterusnya, di dalam masa yang sama, aliran dan pendekatan al-Āsh’ariyah, yang dianggap sebagai aliran yang mendokong dan memperjuangkan pendekatan sederhana dan seimbang di antara rasional dan wahyu di dalam memahami Islam, seakan dituduh sebagai ekstrimis. Jadi, siapa yang sebenarnya ekstrimis di sini? Apakah sifat “ekstrim” adalah suatu yang relatif dan berubah mengikut perubahan masa dan persepsi orang yang menilainya? Apakah tiada di sana suatu neraca yang jelas dan pasti dalam menilai apa yang ekstrim dan apa yang tidak?

*Kritikan Terhadap Diskusi Keagamaan* memuatkan suatu review dan ulasan tentang kecelaruan atau kekeliruan terhadap beberapa aspek agama Islam sebagaimana yang dapat diperhatikan di dalam pergerakan Muslim moden. Ulasan dan review yang dikemukakan oleh penulis ini, walaupun mempunyai nilai-nilainya yang tersendiri, khususnya dalam menyedarkan aliran-aliran pemikiran Muslim yang celaru dan leka, namun ia juga menggambarkan seakan suatu bentuk kekeliruan pada fahaman penulis atau sekurang-kurangnya suatu dakwaan dan tohmahan yang agak emosional. Banyak persoalan-persoalan yang diperkatakan, sama ada secara langsung ataupun tidak secara langsung, membuktikan kenyataan di atas. Antaranya termasuk isu-isu berkaitan hakikat bahasa dan makna, khususnya yang berkaitan dengan teks-teks keagamaan. Ini di samping isu-isu berkenaan konsep agama, sekularisme, realiti tamadun Barat, Islamisasi Ilmu dan sebagainya.

Tambahan lagi, penulis di dalam karyanya ini, cuba mentafsirkan apa yang berlaku terhadap Dunia Umat Islam kini sebagai suatu yang sama yang pernah menimpa masyarakat Barat di Kurun Pertengahan dahulu. Oleh yang demikian, ekoran dari persepsi ini, beliau seakan menyarankan bahawa sebagaimana bangsa Eropah berjaya bangkit membentuk tamadun moden Barat dengan pendekatan sekularisme dan dengan mengulangtafsir agama Kristian dengan tafsiran “saintifik”, umat Islam juga perlu mengambil pendekatan yang sama. Persoalan di sini sebenarnya tidak semudah

Review Buku: Nasr Ḥāmid Abū Zayd, *Naqd al-Khitāb al-Dīnī*, (Kaherah: Sīnā li al-Nashr, 1994)

yang disangkakan. Senario yang berlaku, walaupun zahirnya nampak seakan sama dalam beberapa aspek dengan apa yang pernah berlaku di Barat, namun ia pada dasarnya sama sekali tidak serupa. Kalauolah ketamadunan Barat, termasuk agama mereka, adalah hasil dan produk pemikiran dan akal mereka semata-mata, akibat ketiadaan sumber dan warisan keagamaan yang terjaga, halnya berbeza dengan Islam dan ketamadunan Islam. Ini kerana, walau apapun yang berlaku pada umat Muslim dan tamadun mereka, Islam dengan segala sumber dan warisannya tetap terjaga dan ia senantiasa bersedia untuk menilai dan mengadili sama ada sesuatu tamadun umat Muslim itu benar-benar Islam atau sebaliknya. Apa yang menjadi persoalan ialah apakah umat Muslim itu bersedia atau tidak untuk menilai diri mereka?

Abū Zayd di dalam karyanya ini, khususnya di dalam fasil tambahan, menyatakan rasa leganya terhadap segala kontroversi yang berlaku, yang melibatkan karya dan pemikirannya ini. Ini dilihat oleh beliau sebagai suatu manifestasi sebenar yang menguatkan kebenaran dan kepastian tafsirannya terhadap realiti diskusi keagamaan Islam kini. Namun beliau lupa, dalam kontek ini, bahawa beliau juga sebenarnya adalah contoh yang tepat atau manifestasi hakiki bagi bentuk pemikiran modenis Islam dalam memahami hakikat agama Islam.